

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22
RUANGAN : NASIONAL

Kes demam denggi menurun, tiada kematian

Kuala Lumpur: Kes demam denggi dilaporkan berkurangan kepada 2,373 kes pada Minggu Epidemiologi ke-28 (ME28) iaitu bagi tempoh 7 hingga 13 Julai dan tiada kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan.

Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan, berbanding minggu sebelumnya (minggu ke-27) sebanyak 2,805 kes dicatatkan.

"Sebanyak 100 lokaliti titik panas (hotspot) dikesan pada minggu ini berbanding 86 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 74 lokaliti di Selangor dan masing-masing enam di Negeri Sembilan, Perak, Kuala Lumpur, Putrajaya.

"Selain itu, empat titik panas di Kedah, Pulau Pinang (2) dan masing-masing satu di Sarawak dan Sabah," kata kenyataan, semalam.

Namun, jumlah keseluruhan kes demam denggi dicatatkan sehingga minggu ke-28 adalah sebanyak 80,441 kes berbanding 63,966 dalam tempoh sama, tahun lalu.

Daripada jumlah kes itu, terdapat 65 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding 45 korban pada tahun sebelumnya.

Sementara itu, mengenai perkembangan terkini survelan Chikungunya, KKM berkata, sebanyak tujuh kes direkodkan pada minggu yang sama menjadikan jumlah terkini kes itu adalah sebanyak 54 kes.

"Bagaimanapun, tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada minggu ini.

"Bagi survelan Zika, sebanyak 1,437 sampel darah dengan lapan sampel urin dan tiga sampel cecair serebrospinal dijalankan ketika saringan.

"Semua hasil saringan adalah negatif," katanya.

Dalam pada itu, bagi mengurangkan kes bawaan nyamuk, KKM menasihatkan orang ramai untuk menguruskan sampah dengan sebaiknya.

Katanya, sampah seperti kulit buah-buahan termasuk kelapa, durian, manggis dan rambutan juga berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

"Sampah sebegini sekiranya tidak diuruskan dengan baik dan dilupuskan secara berhemah boleh menakung air dan menjadi tempat yang sesuai untuk nyamuk bertelur, seterusnya meningkatkan risiko jangkitan denggi.

"Ketika musim buah-buahan ini, masyarakat dan peniaga perlu memainkan peranan untuk terus menjaga kebersihan alam sekitar bagi mengekang penularan wabak denggi.

"Kegagalan masyarakat mengambil langkah pencegahan sewajarnya dikhuatiri membawa akibat lebih buruk termasuk risiko kehilangan nyawa," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

Kes demam denggi dilaporkan berkurangan pada ME28

Putrajaya: Kes demam denggi dilaporkan berkurangan kepada 2,373 kes pada Minggu Epidemiologi ke-28 (ME28) iaitu bagi tempoh 7 hingga 13 Julai lalu berbanding 2,805 kes pada minggu sebelumnya, dengan tiada kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, kumulatif demam denggi dilaporkan hingga ME28 sebanyak 80,441 kes berbanding 63,966 bagi tempoh sama pada 2023.

"Terdapat 65 kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan berbanding 45 kematian bagi tempoh sama pada 2023," katanya.

Beliau berkata, bilangan lokaliti hotspot dilaporkan pada ME28 sebanyak 100 berbanding 86 lokaliti hotspot minggu sebelumnya.

Katanya daripada 100 lokaliti dilaporkan, 74 lokaliti di Selangor, masing-masing enam lokaliti di Negeri Sembilan dan Perak, enam lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lum-

pur dan Putrajaya, empat lokaliti di Kedah, dua lokaliti di Pulau Pinang serta masing-masing satu di Sarawak dan Sabah.

Dr Muhammad Radzi berkata, bagi survelan chikungunya, tujuh kes direkodkan pada ME28 dan jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini 54 kes.

"Bagi survelan zika, sebanyak 1,437 sampel darah, lapan sampel urin dan tiga sampel cecair serebrospinal dijalankan saringan zika, dan hasil semuanya negatif," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA SURAT HADAPAN

ISSN 2718-6775

SUARA KONTEMPORARI

Kosmo!

kosmo online
www.kosmo.com.my



BUAH PINGGANG UNTUK DIJUAL

Sanggup lelong organ untuk langcai hutang

Oleh ATIQ MAISARAH SUHAIMI

PETALING JAYA – Kesempitan hidup dan berdepan masalah kewangan untuk membayar hutang membuatkan segelintir pihak nekad menjual buah pinggang mereka secara terbuka di Facebook walaupun mengetahui ia salah di sisi undang-undang.

Kegiatan haram itu dikesan dalam satu kumpulan Mencari Penderma Buah Pinggang di mana rata-rata penjual menawarkan organ masing-masing kepada pihak yang terdesak kerana terpaksa menunggu giliran terlalu lama untuk mendapatkan organ daripada penderma yang ada ketika ini.

■ BERSAMBUNG DI MUKA 2



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Buah pinggang untuk dijual

DARI MUKA 1

Seorang wanita berusia 26 tahun yang merahsiakan identitinya, secara terang-terangan mengiklankan buah pinggangnya untuk dijual pada harga RM55,000.

"Terdesak mahu jual buah pinggang untuk langsaikan hutang. Darah O dan tiada masalah kesihatan. Kalau berminat tinggalkan nombor telefon," katanya.

Kegiatan haram tersebut dikesan aktif sejak Disember 2022 dengan rata-rata penjual meletakkan butiran diri seperti umur, jenis darah, kesihatan dan nombor telefon kepada pembeli.

Peniaga makanan ringan, Hafiz, 43, berkata, dia mahu menjual buah pinggangnya kerana mahu mendapatkan wang bagi menebus semula tanah ibu mertua yang digadai RM150,000 tiga tahun lalu.

"Ketika itu saya perlukan wang untuk menyelamatkan perniagaan tetapi nasib masih tidak menyebelahi saya. Saya tersungkur dan tanah yang ada, rumah kami tergadai.

"Isteri dan ibu mertua tidak tahu saya gadai tanah dan kini saya mahu jual buah pinggang untuk langsaikan hutang dan ambil semula geran," katanya kepada Kosmo.

Menurut bapa kepada dua anak itu, dia pernah terfikir untuk bunuh diri tetapi setelah difikir, lebih baik dia menjual buah pinggang daripada nyawa.

Bagaimanapun, tambahnya,

**Saya lelaki umur 29
Nak jual buah pinggang,
jenis B+, tidak merokok,
tidak minum, perlu
membayar hutang**

Like Comment Send Share



**salam saya ingin
menjual buah pinggang
darah jenis o (tiada
sebarang penyakit)
bawah 10k agak
terdesak**

ANTARA tangkapan layar diambil di Facebook menunjukkan pihak yang mahu menjual buah pinggang untuk mendapatkan wang bagi membayar hutang. - GAMBAR HIASAN

jika buah pinggangnya tidak laku, dia rela menjual matanya asalkan tidak kehilangan isteri dan anak-anaknya.

"Saya tahu jual organ salah tetapi saya buntu di mana hen-

dak cari wang. Saya boleh derma asalkan pesakit dapat beri saya duit untuk bayar hutang," katanya yang memberitahu pencagar telah memaksa mereka mengosongkan rumah ketika ini.

Seorang pekerja kontrak berusia 32, berkata, dia mahu menjual buah pinggang untuk bayar hutang RM100,000 dan menampung kos pembedahan anak akibat sakit jantung berlubang.

66

Saya tahu jual organ salah tetapi saya buntu di mana hendak cari wang. Saya boleh derma asalkan pesakit dapat beri saya duit untuk bayar hutang."

"Katanya, walaupun ia salah, namun itu sahaja jalan untuk mendapatkan wang dalam kuantiti banyak dengan kadar segera.

"Sebelum ini saya berniaga warung dan buat pinjaman RM100,000. Tidak lama kemudian anak bongsu saya disahkan hidap sakit jantung berlubang dan perlu RM80,000 untuk bedah," katanya.

Jelasnya bapa kepada tiga orang anak itu, dia tidak tahan lagi dengan tekanan hutang sejak 2021 kerana emosi dan mentalnya sering terganggu.

"Lebih baik hilang organ daripada tidak dapat bayar hutang. Jika saya sakit kemudian hari, apa yang penting isteri dan anak-anak dapat hidup tenang tanpa gangguan mental lagi," katanya.

Menurut lelaki itu, dia berutang kerana kos hidup semakin tinggi tambahan pula jika tidak undang, dia merasakan ramai yang akan bertindak sedemikian.

Bukan mudah mahu jual organ

PETALING JAYA - Harga buah pinggang boleh mencecah sehingga ratusan ribu ringgit di pasaran gelap kerana permintaan yang tinggi daripada pesakit yang terdesak untuk pulih.

Pengurus Klinikal Pendermaan Organ Kebangsaan Kanan, Pusat Sumber Transplan Nasional, Dr. Hasdy Haron, setakat Jun lalu, seramai 9,254 pesakit berada pada barisan menunggu untuk pemindahan organ seperti buah pinggang, hati, jantung dan paru-paru selepas kematian penderma.

"Bagaimanapun, penderma berdaftar hanya 46 orang. Sebab itu harganya boleh melambung di pasaran gelap kerana ramai yang terdesak.

"Proses pemindahan organ bukanlah semudah yang di-

sangka kerana ia perlu melalui beberapa tapisan dan diuruskan oleh pihak yang dilantik sahaja.

"Pesakit perlu mendapatkan penderma yang sesuai sebelum dirujuk kepada pakar untuk dibawa kepada pihak yang menguruskannya menerusi Kementerian Kesihatan," katanya.

Menurut Hasdy, pelbagai perkara diambil kira seperti perubahan, psikologi dan unsur mencurigakan bagi mengelakkan jual beli secara komersial antara pesakit dan penderma sebelum pemindahan dilakukan.

Tambahnya, jual beli organ tidak dapat dinafikan kerana pesakit dan penderma boleh menipu selain mereka boleh melakukannya di luar negara untuk mengelak dikenakan hukuman.

"Penjualan organ secara

terang-terangan melalui media sosial boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Pemindahan Organ Manusia 1974 dan Akta Pendermaan Organ dan Penggunaan Tisu 1992," katanya.

Ujar Hasdy, syarat ketat untuk pendermaan organ adalah bertujuan untuk melindungi penderma daripada menjadi mangsa eksploitasi kerana penerima yang terdesak boleh melakukan apa sahaja.

"Pemberian habuan adalah dilarang kecuali bantuan berkaitan dengan proses pendermaan adalah dibenarkan dan bentuk bantuan ini perlu munasabah dan tidak keterlaluan," katanya.

Tambahnya, anggota badan adalah harta yang paling bernilai dan tidak boleh diukur melalui wang ringgit.



PEMINDAHAN organ perlu menjalani prosedur tertentu bagi mengelakkan berlakunya urusan jual beli yang salah. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA



GAMBAR fail menunjukkan aktiviti penyemburan kabut dilakukan di kawasan kejiranan bagi mencegah pembiakan nyamuk.

Kes demam denggi makin berkurang

PUTRAJAYA - Jumlah kes demam denggi pada Minggu Epidemiologi ke-28 tahun 2024 dilaporkan sebanyak 2,373 kes berbanding 2,805 kes pada minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Muhammad Radzi Abu Hassan berkata, pada masa sama, tiada kematian direkodkan akibat komplikasi demam denggi pada Minggu Epidemiologi tersebut.

"Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-28 adalah sebanyak 80,441 kes berbanding 63,966 kes bagi tempoh sama tahun 2023.

"Manakala terdapat 65 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 45 kematian bagi tempoh sama pada tahun 2023," katanya semalam.

Jelasnya, bilangan lokaliti hot spot dilaporkan pada minggu berkenaan juga ialah sebanyak 100 lokaliti berbanding

86 lokaliti pada minggu sebelumnya.

"Daripada 100 lokaliti yang dilaporkan, 74 lokaliti di Selangor, manakala enam lokaliti masing-masing di Negeri Sembilan, Perak, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Selain itu, empat lokaliti direkodkan di Kedah, Pulau Pinang (2) serta masing-masing satu di Sarawak dan Sabah," jelasnya.

Sementara itu, bagi surveilan chikungunya pula, terdapat tujuh kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-28.

"Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 54 kes selain tiada wabak Chikungunya dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-28.

"Bagi surveilan zika, sebanyak 1,437 sampel darah, lapan sampel urin dan tiga sampel cecair serebrospinal telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : K2

ISNIN 22.07.2024

Menyelam
Hidup A...



Kosmo!

Malaysia destinasi pelancongan kesihatan

MALAYSIA terus menjadi pilihan para pelancong kesihatan terutamanya dari rantau Asia Tenggara untuk mendapatkan khidmat rawatan terbaik dalam pelbagai penyakit seperti masalah jantung dan kanser yang ditawarkan oleh beberapa pusat perubatan terkemuka di negara ini seperti Institut Jantung Negara (IJN).

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : K2

Dapatkan rawatan kesihatan terbaik


**Rencana
Utama**

 Oleh
**FARID AHMAD
TARMIJI**

MENYINGKAP kembali sejarah keluarga sebelah bapanya, Kemal Mochtar mengakui bahawa mereka mempunyai masalah jantung.

"Bapa, datuk, adik kepada datuk dan bapa saudara saya ada masalah jantung. Bapa saya sendiri meninggal dunia pada umur 49 tahun kerana sakit jantung."

"Saya tertanya-tanya sebab keluarga sebelah bapa kena serangan jantung pada umur yang relatif muda," ujar Kemal dalam akaun TikTok miliknya.

Disebabkan itu, dia memilih melakukan pemeriksaan di dua hospital berbeza di Indonesia.

Dia menjalani pemeriksaan awal bagi mengelak kejadian seperti bapa dan datuknya yang mendapat serangan jantung secara mengejut.

"Keputusan pemeriksaan jantung di dua hospital ini baik-baik sahaja. Saya tidak ada masalah jantung, tetapi dalam diri saya masih ragu-ragu."

"Pada suatu hari, ada kawan saya memuat naik status dalam media sosial bahawa dia berhadapan masalah jantung tersumbat. Ini selepas dia melakukan pemeriksaan jantung di Malaysia," jelasnya.

Rakannya melakukan pemeriksaan jantung kerana dalam keluarganya ramai yang terkena 'silent heart attack'.

Rentetan itu, Kemal sanggup 'terbang' ke Kuala Lumpur bagi melakukan pemeriksaan jantungnya di salah sebuah hospital.

Bagaimanapun, keputusan yang diperoleh tetap sama, di mana jantungnya baik-baik saja.

Disebabkan Kemal mempunyai sejarah keluarga bermasalah jantung, doktor di Malaysia memintanya melakukan pemeriksaan lain iaitu imbasan CT Scan.

"Pemeriksaan ini tidak dilakukan oleh doktor di Indonesia, saya melakukannya di Malaysia. Ternyata setelah imbasan itu dilakukan, ada sumbatan pada jantung saya."

"Itulah salah satu sebab saya datang melakukan pemeriksaan jantung di Malaysia," ujarnya.

Tidak dapat dinafikan, Malaysia menjadi destinasi pelancongan kesihatan dan ramai pesakit dari luar negara datang mendapatkan rawatan di sini.

Malah, salah seorang pesakit jantung dari Indonesia iaitu Liauw Lidra Effendi Chandra turut datang ke negara ini bagi mendapatkan rawatan jantung di Institut Jantung Negara (IJN), Kuala Lumpur.

Menurutnya, dia berhadapan dengan masalah infark jantung tidak normal sejak tiga tahun lalu.

"Saya datang ke IJN untuk menjalani



IJN mempunyai kepakaran terbaik dalam merawat pelbagai masalah jantung. - GAMBAR HIASAN



RATA-RATA pelancong kesihatan di Malaysia adalah dari negara serantau. - GAMBAR HIASAN



MASALAH jantung cukup berbahaya jika tidak dirawat. - GAMBAR HIASAN

prosedur 'Transcatheter Aortic Valve Implantation' (TAVI) kerana di Indonesia prosedur ini belum popular.

"Di Indonesia, kebanyakan prosedur yang sering dilakukan adalah pembedahan pintasan jantung," ujar lelaki berusia 70-an itu.

Dia cuba mencari rawatan di beberapa hospital lain, namun Effendi Chandra berasa lebih selesa mendapatkan rawatan di IJN.

Ini kerana, sejak dua tahun lalu, dia telah datang ke IJN untuk mendapatkan konsultasi daripada doktor.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Datuk Akmal

Arief Mohamed Fauzi berkata, IJN adalah hospital khusus jantung.

Ujarnya, disebabkan itu, pihaknya menerima ramai pesakit yang mempunyai pelbagai komplikasi jantung.

"Namun, kebanyakannya pesakit mempunyai komplikasi kompleks. Pesakit ini mahukan prosedur berlainan di IJN yang tidak ditawarkan oleh hospital-hospital di negara mereka."

"IJN juga menerima pesakit yang mahukan prosedur kesihatan mudah tetapi lebih terjamin dengan hasil klinikal terbaik," katanya.

Tambahnya, kebanyakan pesakit

antarabangsa yang datang mendapatkan rawatan di IJN adalah dari Indonesia, Myanmar, Kemboja, Vietnam dan ekspatriat di Malaysia.

Malah, IJN telah menunjukkan peningkatan dua angka peratusan setiap tahun bagi pesakit antarabangsa.

Ia kesan daripada program-program penjenamaan IJN di luar negara dan wujudnya 'partner' atau kerjasama IJN dengan hospital-hospital antarabangsa di luar negara seperti di Indonesia, Myanmar, Cambodia dan Vietnam.

Mengulas lanjut, Akmal Arief menjelaskan, terdapat beberapa faktor yang mendorong pesakit antarabangsa

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : K2

INFO

Pelancongan Kesihatan

- Lawatan ke sesebuah negara sambil menjalani rawatan atau mendapatkan rawatan
- Kebanyakan pesakit dengan masalah jantung datang menerima rawatan di Malaysia
- Institut Jantung Negara dan Columbia Asia Hospital antara pusat perubatan yang sering menerima kunjungan pesakit antarabangsa

mendapatkan rawatan di Malaysia terutamanya di IJN.

Menurutnya, faktor paling utama adalah kerana keberhasilan yang tinggi atau hasil klinikal sesuatu prosedur.

"IJN adalah sebuah pusat kecemerlangan khusus jantung yang mempunyai tahap keberhasilan prosedur klinikal yang tinggi dan antara terbaik di dunia.

"Faktor kedua adalah penggunaan teknologi medikal yang terkini.

"IJN merupakan salah sebuah hospital di rantau ini yang mempelopori penggunaan teknologi medikal terkini," katanya.

Tambahnya, ia dapat memberi pilihan yang terbaik kepada pesakit bagi mendapatkan perubatan, sekali gus mempunyai kesan yang panjang kepada pesakit.

Selain itu, tahap pelayanan pesakit dan komitmen daripada pasukan IJN turut memainkan peranan besar.

Di IJN, sistem pelayanan pesakit antarabangsa adalah komprehensif dan teratur.

IJN mempunyai Pusat Pelayanan Pesakit Antarabangsa bagi membantu pesakit mendapatkan rawatan.

Bantuan itu bermula daripada menjawab segala persoalan mengenai medikal, kewangan, penterjemah bahasa, pengendalian visa pelancong sehingga pengurusan hotel dan tiket penerbangan pesakit.

Dalam pada itu, Columbia Asia Hospital turut menjadi pusat perubatan pilihan para pesakit antarabangsa mendapatkan rawatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah Columbia Asia Hospital Tebrau dan Iskandar Puteri, Johor, Rahani Yaacob berkata, jumlah kedatangan



KEDATANGAN pesakit dari luar negara semakin meningkat di IJN sejak kebelakangan ini.



TEKNOLOGI rawatan kesihatan di negara ini antara yang terbaik di rantau Asia Tenggara.

pesakit antarabangsa di hospital itu menunjukkan peningkatan saban tahun.

Menurutnya, hospital itu mula beroperasi sejak 2019, namun disebabkan pandemik Covid-19, pelancong dari Indonesia dan Singapura tidak dapat datang.


"Pada 2021, kami menerima 461 pesakit, tetapi bertambah kepada 782 pesakit pada 2022.

"Pada tahun lalu, kami menerima 1,023 pesakit. Sehingga Mei tahun ini, kita telah menerima 603 pesakit dan jumlah itu akan bertambah," katanya.

Mengulas lanjut, Rahani berkata, kebanyakan pesakit yang datang ke situ untuk mendapatkan rawatan jantung.

Selain itu, ada juga pesakit yang datang untuk isu kesihatan lain seperti masalah pernafasan, hipertensi, kanser dan lain-lain lagi.

"Bagi pelancong Singapura, kebanyakan mereka datang untuk melakukan saringan kesihatan di sini sebelum meneruskan rawatan di negara mereka. Bagi pelancong Indonesia, kebanyakan mereka akan mendapatkan rawatan di sini," terangnya.



DR. AZLAN

IJN berjaya cipta sejarah baharu

MENJADI peneraju dalam merawat masalah jantung, Institut Jantung Negara (IJN) terus berada di hadapan dalam mengaplikasikan inovasi dalam rawatan.

Malah, IJN sekali lagi mencipta sejarah apabila menjadi yang pertama di rantau Asia Tenggara berjaya memasang defibrilator implan ekstravaskular baru-baru ini.

Peranti pertama seumpamanya yang dibangunkan dan dihasilkan oleh Medtronic, Aurora Extravascular Implantable Cardioverter Defibrillator (EV-ICD) itu memberi harapan kepada pesakit yang mempunyai risiko tinggi kematian mengejut akibat irama jantung terlalu laju dan berbahaya.

Prosedur implan Aurora EV-ICD pertama di IJN itu telah dilaksanakan oleh Pengarah Klinikal Elektrofisiologi dan Peranti Implan, Datuk Dr. Azlan Hussin.

Menurut Dr. Azlan, sistem itu direka untuk memantau irama jantung secara berterusan dan memberikan kejutan elektrik tepat pada masanya untuk memulihkan jantung kembali normal.

"Selain memberikan rawatan defibrilasi yang menyelamatkan nyawa dan 'anti-tachycardia' dalam satu sistem implan, EV-ICD melangkaui kaedah tradisional implan bagi ICD kerana ia dipasang di luar sistem peredaran darah.

"Ciri unik ini memberikan kelebihan dan menawarkan pilihan alternatif kepada pesakit yang memerlukan ICD, tetapi menghadapi halangan implan ICD konvensional," katanya.

Mengulas lanjut, Dr. Azlan berkata, penyelesaian itu adalah alternatif kepada teknik implan defibrilator tradisional.

Ujarnya, EV-ICD mempunyai wayar yang ditempatkan di luar jantung dan salur darah.



PARA pelancong kesihatan dari Indonesia bergambar kenangan di Columbia Asia Hospital Tebrau, Johor.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

TANPA GULA, HARGA KURANG 10 SEN

- Sebanyak 3,500 rangkaian restoran di bawah Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) seluruh negara bersetuju mengurangkan harga sebanyak 10 sen bagi segelas minuman teh O dan kopi O tanpa gula, tidak kira sama ada panas atau ais.
- Naib Presiden Presma, Abdul Mukthahir M Ibrahim berkata, ia merupakan langkah permulaan bagi menyokong kempen 'Kurang Gula, Kurang Harga' yang bakal dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak lama lagi, malah mungkin akan dikembangkan kepada minuman lain pula selepas ini.
- Persetujuan itu dicapai selepas sesi libat urus Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh bersama persatuan restoran dan wakil industri bagi menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan pemakanan sihat melalui pengurangan gula dalam diet harian.

HANYA DI
EKSKLUSIF
SINAR HARIAN



MUKA 2 & 3

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

2 NASIONAL
SINAR HARIAN • ISNIN 22 JULAI 2024

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI, NURHIDAYAH HAIROM dan FARHANA ABD KADIR

3,500 restoran sahut
kempen Kurang Gula,
Kurang Harga melibatkan
teh O dan kopi O

SHAH ALAM

EKSKLUSIF

Harga minuman tanpa gula turun 10 sen

Sebanyak 3,500 rangkaian restoran di bawah Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma) seluruh negara bersetuju menurunkan harga sebanyak 10 sen untuk minuman teh O dan kopi O tanpa gula selaras dengan kempen Kurang Gula, Kurang Harga yang bakal dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Naib Presiden Presma, Abdul Mukthahir M Ibrahim berkata, tawaran harga tersebut akan dilaksanakan serentak apabila kempen tersebut dijangka bermula dua minggu lagi.

Menurut beliau, dua menu berkenaan dipilih untuk peringkat permulaan, dan akan dikembangkan kepada menu-menu lain mengikut kesesuaian kos semasa.

"Untuk minuman bersusu, sekiranya kita kurangkan manis, kita akan kurangkan penggunaan susu pekat, tetapi perlu menambah penggunaan susu cair yang kosnya lebih tinggi daripada susu pekat. Sama juga jika milo O, kita perlu tambah milo, jadi tak sesuai untuk dilaksanakan (pengurangan harga)."

"Untuk peringkat awal, kita bersetuju kurangkan harga 10 sen untuk teh O dan kopi O kosong (tanpa gula), tidak kira sama ada untuk minuman panas atau ais."

"Kami juga ada cadangkan kepada kementerian supaya lebih baik buat kempen Say No to Sugar (Katakan Tidak Kepada Gula) berbanding kurangkan gula. Tapi tak pasti apa



LAPORAN MUKA DEPAN

Kira-kira 3,500 restoran di bawah Presma dijangka menurunkan harga teh O dan kopi O tanpa gula sebanyak 10 sen bermula dua minggu lagi.



ABDUL MUKTHAHIR



FUZIAH

ketetapan akhir yang akan dibuat nanti," katanya kepada Sinar Harian pada Ahad.

Harga segelas teh O dan kopi O di restoran sekarang adalah sekitar RM1.40 hingga RM1.80, manakala harga gula pasir ialah RM2.85 sekilogram.

Segelas teh O dan kopi O memerlukan kira-kira 17.5 gram atau 3.5 sudu teh gula. Ditanya kemungkinan pengurangan 10 sen tidak memberi impak besar terhadap kesedaran pengguna dalam mengurangkan gula dalam minuman, Abdul Mukthahir berkata, pengurangan harga tersebut memadam buat masa ini setelah keuntungan mereka sebelum ini agak terjejas apabila tidak menaikkan harga jualan meskipun terpaksa menanggung kos bahan mentah yang semakin naik.

Sehubungan itu, pihaknya akan mengadakan perbincangan lanjut bersama KPDN bagi mengenal pasti mekanisme sesuai, termasuk bantuan yang boleh diberikan kerajaan jika mahu menambah lebih banyak menu dalam kempen

berkenaan.

"Kalau kira kos barangan, semua dah naik harga sebanyak beberapa kali dalam tahun ini. Tapi kita disyorkan (oleh kerajaan) agar tidak naikan harga jualan walaupun keuntungan terjejas."

"Jangan kalau harga barang naik, kita tak boleh naik harga, tapi bila kempen begini kami diminta turunkan harga pula. Bila disuruh turunkan harga, bermakna kami akan alami kerugian," katanya.

Terdahulu pada Sabtu, Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh berkata, kempen Kurang Gula, Kurang Harga akan diperkenalkan dalam masa terdekat bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan mengurangkan pengambilan gula dalam diet harian.

Fuziah berkata, beliau telah mengadakan sesi libat urus bersama persatuan restoran dan wakil industri bagi merangka kempen tersebut.

Antara yang terlibat dalam sesi libat urus itu ialah Presma; Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia (Primas) dan Persatuan Am Pemilik Kedai Kopi Malaysia Singapura (MSCSPGA).

"Inisiatif ini dirancang khusus bagi

ANGGARAN KANDUNGAN GULA DALAM MINUMAN POPULAR DI MALAYSIA

MINUMAN (SEGELAS)	KANDUNGAN GULA
1. Teh tarik	4.5 sudu teh
2. Teh O	3.5 sudu teh
3. Kopi	4 sudu teh
4. Kopi O	3.5 sudu teh
5. Milo kosong	2 sudu teh
6. Horlicks kosong	5 sudu teh
7. Sirap bandung	6 sudu teh
8. Soya cinau	4 sudu teh
9. Boba/teh susu	3.5 sudu teh
10. Kordial	4 sudu teh
11. Air kotak 250ml	2 sudu teh
12. Minuman soda 350ml	7 sudu teh
• Satu sudu teh bersamaan	5 gram gula

Sumber: Homeage Malaysia

10 NEGARA PALING BANYAK MENGGUNAKAN GULA (PER KAPITA SETAHUN)

1. Barbados	52.86kg
2. Guatemala	50.28kg
3. Cuba	49.94kg
4. Belgium	48.27kg
5. Kiribati	48.12kg
6. Costa Rica	46.27kg
7. Trinidad & Tobago	45.86kg
8. Poland	45.07kg
9. Bahrain	44.32kg
10. New Zealand	43.92kg
15. MALAYSIA	41.63kg

Sumber: Worldpopulationreview.com

- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyarankan pengambilan gula tidak melebihi 50 gram atau 10 sudu teh sehari. Namun purata seorang rakyat Malaysia mengambil 41.63 kilogram gula setahun iaitu bersamaan 114 gram atau 23 sudu teh sehari.

mempromosikan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia di samping membantu mengurangkan kos rawatan dan perubatan susulan penyakit yang berpunca daripada tabiat pemakanan yang tidak sihat dan tidak seimbang terutama kandungan gula berlebihan," kata Fuziah dalam satu kenyataan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS
Sinar
Harlan

NASIONAL 3
ISMN 22 JULAI 2024 • SINAR HARIAN

Fomca gesa libatkan KKM dan KPM

Kempen kurangkan gula belum berjaya meskipun sudah 60 tahun merdeka, kata Fomca

SHAH ALAM

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) menggesa kerajaan menjadikan kempen Kurang Gula, Kurang Harga sebagai satu agenda negara bagi memastikan objektifnya kali ini benar-benar tercapai.

Presidennya, Datuk Dr N Marimuthu berkata, ini kerana usaha kerajaan sejak 60 tahun lalu untuk mengurangkan pengambilan gula dalam kalangan rakyat belum menjadi kenyataan sehingga sekarang.

"Sudah 60 tahun lalu kita cuba nak kurangkan gula tapi tak mampu. Jadi jangan syok sendiri. Nak buat kempen, ia kena menyeluruh dan dilakukan secara bersepadu oleh semua kementerian."

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kena libatkan bersama Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Kesihatan (KKM). Ia kena jadi agenda negara, bukan agenda KPDN semata-mata," katanya kepada *Sinar Harian*.

Marimuthu menegaskan, kem-



“

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kena libatkan bersama Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Kesihatan (KKM). Ia kena jadi agenda negara, bukan agenda KPDN semata-mata.”

- N Marimuthu



pen yang diadakan secara menyeluruh berkenaan akan dapat membantu menangani masalah pengambilan gula berlebihan yang menyebabkan berlakunya peningkatan kes kencing manis.

"Tujuan utama kita ialah mahu kesihatan rakyat terjamin dan rakyat amalkan budaya kurangkan manis dalam diet harian mereka," ujarnya.

Bagaimanapun, Marimuthu enggan mengulas lanjut berhubung penurunan harga yang akan diberikan peniaga terhadap pengurangan penggunaan gula dalam makanan dan minuman.

"Lazimnya di dunia ini mana ada harga (barang) turun, ia (pengurangan harga) mungkin susah nak berjaya sebab misalnya nak buat kuih bukan guna gula semata-mata, ada bahan lain lagi seperti minyak masak, tepung dan bawang," katanya.

Untuk rekod, KKM pernah menjalankan beberapa inisiatif bagi mendidik rakyat supaya mengurangkan

pengambilan gula. Ini termasuk melalui Kempen Cara Hidup Sihat, bermula pada tahun 1991.

Pada tahun 1998, Kempen Kurangkan Gula telah dijalankan secara intensif dan diteruskan dari masa ke masa.

Tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan semua kementerian dan agensi kerajaan melaksanakan kempen kurangkan gula berikutan Malaysia kini merekodkan bilangan penghidap diabetes paling tinggi di Asia.

Beliau berkata, laporan menyatakan Malaysia paling tinggi mempunyai penghidap kencing manis atau diabetes di Asia dan perkara berkaitan kesihatan bukan lagi peranan sepenuhnya Kementerian Kesihatan.

Sehubungan itu, Anwar mahu semua kementerian termasuk Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha supaya melaksanakan kempen kurangkan manis gula.

REAKSI

“

Kempen Kurang Gula, Kurang Harga sangat baik dan inisiatif ini perlu disokong oleh orang ramai kerana ia dapat mengurangkan peningkatan pesakit kronik di Malaysia. Ia juga mengajuk kita supaya lebih berhati-hati dalam memilih makanan. Kalau kurang gula, maknanya kurang bahan itu digunakan untuk minuman. Saya rasa kita semua perlu kurangkan minuman bergula dan mungkin mencuba produk alternatif yang lebih bersifat alami bagi menggantikan gula pasir.

- Pegawai Komunikasi, Kanessha Rama Krishnan, 28



“

Pada pandangan saya kalau turun sebanyak 10 sen adalah tindakan kurang praktikal kerana hampir semua makanan dan minuman di negara ini menggunakan gula. Jadi bagaimana kita nak didik masyarakat negara ini jika hanya turunkan harga sebanyak 10 sen sahaja? Perkara itu dilihat kurang berkesan kerana setiap kali kempen seperti ini dibuat ia kurang mendapat sambutan kerana penggunaan gula di negara ini sudah menjadi sebahagian daripada gaya hidup.

- Pembantu Pensyarah, Muhd Afizy Shaari, 26



“

Saya rasa kempen ini memang satu inisiatif yang menarik untuk menggalakkan masyarakat mengurangkan pengambilan gula selain meningkatkan kesedaran mengenai bahaya pengambilan gula berlebihan. Namun, keberkesanan kempen ini dalam jangka panjang bergantung kepada sejauh mana perubahan tabiat pemakanan dapat dicapai. Penurunan harga sebanyak 10 sen mungkin tidak cukup signifikan untuk mengubah tabiat pengguna secara keseluruhan.

- Pelajar, Ng Zhen Xuan, 20



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Rakyat Malaysia guna terlebih gula

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
dan **HAFIZ SAIDINA**
utusannews@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Rakyat dewasa Malaysia mengambil gula 26 sudu sehari berbanding enam sudu seperti disarankan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu lebih sehingga 80 peratus pengambilan bahan itu.

Berdasarkan data platform World Population Review, Malaysia menduduki tempat ke-14 negara tertinggi dunia dalam pengambilan gula iaitu sebanyak

Lebih 10,000 kes baharu diabetes direkod setiap tahun

41.63 kilogram (kg) per kapita dalam setahun atau bersamaan 8,326 sudu teh gula.

Negara tertinggi mengambil gula ialah Barbados, Guatemala, Cuba, Belgium dan Kiribati serta Costa Rica.

Angka itu membuktikan penggunaan gula adalah tinggi dalam kalangan rakyat

Malaysia sehingga mendorong satu daripada enam orang dewasa atau 15.6 peratus daripada populasi dewasa di negara ini didiagnosis sebagai pengidap diabetes seperti laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023.

Menurut laporan NHMS, bilangan pesakit buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis meningkat 5,000 sehingga 10,000 pesakit setiap tahun yang kebanyakannya berpunca daripada kencing manis akibat pengambilan gula berlebihan.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Rakyat Malaysia guna terlebih gula

Dari muka 1

Tambah laporan itu lagi, lebih setengah juta atau 2.5 peratus penduduk dewasa negara ini menghidap empat penyakit tidak berjangkit (NCD) iaitu kencing manis, tekanan darah tinggi, kolesterol tinggi dan obesiti.

Manakala menerusi maklumat Pendaftaran Dialisis dan Pemindahan Malaysia 2022 pula terdapat 9,592 pesakit baharu mendapat rawatan dialisis berbanding 9,352 pesakit pada tahun 2021.

Timbalan Pengerusi Persatuan Haemodialisis Bumiputera Malaysia (PPHBM), Mohd. Nazaruddin Jamaluddin berkata, peringkat umur yang ramai terpaksa melakukan dialisis membabitkan kalangan pesakit berusia 35 sehingga 65 tahun.

Katanya, bilangan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis setiap tahun meningkat drastik iaitu sekitar 50 peratus setiap tahun.

"Jumlah pesakit baharu yang alami kegagalan ginjal bertambah 5,000 sehingga 10,000 orang setiap tahun.

"Kebanyakan mereka yang melakukan dialisis adalah berpunca daripada penyakit kencing manis dan darah tinggi," kata beliau kepada *Utusan Malaysia*.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, pihaknya sedang merangka Kempen 'Kurang Gula, Kurang Harga' bersama pihak berkepentingan lain yang bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat mengenai kepentingan amalan pemakanan sihat melalui pengurangan pengambilan gula dalam diet harian.

Menurut beliau, kempen tersebut yang dijangka berlangsung pada pertengahan Ogos ini dirangka khusus bagi mempromosikan gaya hidup sihat



Bilangan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis setiap tahun meningkat drastik iaitu sekitar 50 peratus setiap tahun."

MOHD. NAZARUDDIN

dalam kalangan rakyat Malaysia di samping membantu mengurangkan kos rawatan dan perubatan susulan penyakit yang berpunca daripada tabiat pemakanan yang tidak sihat.

Bagaimanapun katanya, butiran lanjut berkenaan kempen tersebut bakal diumumkan ketika pelancaran program tersebut.

"Pihak kementerian merencanai inisiatif ini untuk mengangkat agenda kerajaan iaitu gaya hidup sihat sesuai dengan skop kerja kami iaitu salah satu daripadanya adalah melibatkan peniaga pengedaran (borong dan runcit).

"Oleh demikian, pihak kementerian mengambil langkah proaktif dengan mengadakan satu sesi libat urus untuk mencapai kata sepakat dengan industri dalam menerajui kempen pencegahan dan pengawalan penyakit berkaitan pemakanan secara lebih holistik dan berkesan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Peningkatan pengambilan gula sebelum ini pernah mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengarahkan semua kementerian dan agensi kerajaan melaksanakan kempen kurangkan gula berikutan Malaysia

kini merekodkan bilangan penghidap diabetes paling tinggi di Asia.

Anwar berkata, Malaysia sepatutnya menjadi negara sihat kerana Islam menekankan keperluan penjagaan kesihatan tetapi keadaan sekarang adalah sebaliknya.

Menurut Fuziah, kajian juga menunjukkan salah satu faktor yang mendorong penggunaan gula berlebihan oleh rakyat Malaysia disebabkan harga runcit di Malaysia yang paling rendah di negara Asean, lebih rendah dari Thailand yang merupakan pengeluar dan pengeksport gula dunia.

Katanya, pihak kementerian komited untuk memulakan beberapa langkah preventif dari sekarang bermula di peringkat pengguna dan pengusaha makanan bermasak.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup berterima kasih kepada semua pihak yang turut merasa prihatin dan seterusnya menyambut baik kempen 'Kurang Gula, Kurang Harga' yang akan diumumkan secara rasmi dalam masa terdekat," katanya.

Dalam pada itu, Pakar Kesihatan Komuniti, Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, masyarakat juga perlu peka untuk mengurangkan gula dalam makanan pada setiap hari termasuk mengamalkan gaya hidup sihat.

"Jika perkara ini gagal ditangani, kos subsidi untuk kesihatan rakyat akan terus meningkat jika terus dibebani dengan komplikasi kencing manis seperti buah pinggang. Malah kini sudah banyak pusat dialisis di Malaysia tetapi belum cukup.

"Oleh demikian di samping usaha kerajaan, rakyat sendiri perlu menjalani gaya hidup sihat termasuk kekal aktif sesuai umur, berat badan ideal, senaman, berhenti merokok dan mengurangkan stres," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 38
RUANGAN : DALAM NEGERI

25 kes malaria direkodkan di Terengganu

SETIU: Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) merekodkan sebanyak 25 kes malaria di Terengganu sejak Januari sehingga kini.

Pengarahnya, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, jumlah itu menunjukkan penurunan 62 peratus daripada 65 kes pada tahun lepas.

Menurutnya, satu kes daripada 25 kes itu adalah malaria zoonatik manakala bakinya pula malaria manusia import.

"Daripada 24 kes ini, 20 kes adalah berlaku di Hulu Terengganu manakala Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Dungun serta Kemaman masing-masing mempunyai satu kes.

"Pihak kesihatan telah melakukan saringan di beberapa kampung berkaitan di daerah Hulu Terengganu antaranya Kampung Machang, Kampung Kua dan Kampung Pengkalan Aja," katanya ketika ditemui

pada Majlis Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Negeri Terengganu di Jertih, di sini, semalam.

Katanya, kes berkenaan membabitkan warga asing Rohingya, Bangladesh, Pakistan, India dan Papua New Guinea.

Beliau berkata, rata-rata kes malaria yang dikesan dalam kalangan warga asing adalah mereka yang masuk ke negara ini dan bekerja di tapak pembinaan.

Ujarnya lagi, hasil daripada tinjauan ke lokasi penempatan mereka yang terlibat dan dijangkiti malaria itu, didapati keadaan kawasan diduduki tidak bersesuaian dan ada yang hanya tinggal di dalam khemah.

"Keadaan tersebut menyebabkan kawalan yang akan kita laksanakan agak sukar dan oleh itu mereka diminta berpindah ke tempat yang selamat dan bersesuaian," ujarnya.



DR. KASEMANI Embong (tengah) melawat gerai pameran pada Majlis Sambutan Hari Malaria Sedunia Peringkat Negeri Terengganu di Jertih, Besut, semalam. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Tax more sugar items

With sugar tax on sugary drinks in force, experts are calling for a more widespread tax on sweet products such as canned food which contains sugar syrups, sweets and chocolates. In addition to reducing consumption, the revenue collected from this tax can be used to enhance healthcare, they say. > **See report on page 4**
by **RAGANANTHINI VETHASALAM**

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

Expand sugar tax, say stakeholders

Greater revenue could be channelled back into improving public health

By RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

PETALING JAYA: While the sugar-sweetened beverage (SSB) tax is in effect in over 100 territories in the world including Malaysia, where diabetes and obesity remain a major disease burden, stakeholders say there is room to expand the coverage of the sugar tax to include more items.

In addition to reducing sugar consumption, the revenue collected from this tax can be channelled back into healthcare, they said.

This comes as the Health Ministry is considering a National Health Fund, which will consolidate funds pooled from various sources including tax revenue, non-tax revenue and funds from the ministry's enforcement activities, including from SSB.

The ministry also said in a recent parliamentary written reply that the sugar tax, which was initially imposed on three categories of ready-to-drink drinks, have been extended to premixed drinks

from March 1, 2024.

Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, Professor in Public Health Medicine of Universiti Kebangsaan Malaysia's Faculty of Medicine, said the consumption tax revenue from sugar tax can be used to cross-subsidise healthcare needs and services, especially to tackle the high non-communicable disease (NCD) load in Malaysia.

"The tax revenue can be used for the betterment of health facilities, paying healthcare workers and purchasing NCD drugs."

She said the sugar tax can be expanded to other items such as canned food containing sugar syrups, as well as sweets, chocolates, sports drinks and soft drinks.

Agreeing with Prof Sharifa, Consumers Association of Penang (CAP) president Mohideen Abdul Kader said the sugar tax must be imposed on all sweetened drinks and food with sugar content such as chocolate, biscuits and sweets.

He said although this may result in a price increase for such items, the move is needed to protect and save lives.

Mohideen added that such a step is needed as softer approaches such as talking about the harm caused by consuming excessive sugar has not yielded the desired outcome. He said revenue collected from the sugar tax could be used to treat diabetes and plough into awareness programmes.

"Diabetic patients who are unable to pay for their treatment should be able to apply for funds from the proposed National Health Fund," he said.

Khazanah Research Institute in its paper said sugar tax revenue can be spent on promotive and preventive health-related programmes such as health education and screening.

"This can augment the existing limited funds for health promotion and prevention, and increase public support for such taxes," it said in a paper titled "Is the Sugar Tax Really Necessary?" released last December.

It also identified gaps in the implementation of the sugar tax.

"Following the introduction of the Healthier Choice Logo (HCL) in 2019, many SSBs have been reformulated to meet HCL sugar

requirements. The HCL initiative was implemented by MOH in April 2017.

"The primary objectives of the initiative are to assist consumers in making informed, healthier food choices and encourage food and beverage industries to reformulate and produce healthier products," it said on the logo used to recognise food and beverages that meet MOH's nutrition criteria.

To qualify for HCL, sweetened beverages such as flavoured, isotonic and fruit drinks must not contain more than 5g of sugar per 100ml.

The list of SSBs that endorsed the HCL is extensive – around 197 flavoured drinks, 32 fruit and fruit juice drinks, 25 botanical beverages and 10 isotonic electrolyte drinks are listed as of December 2023.

"This means many SSBs with sugar content below the taxable thresholds remain untaxed," it said.

In 2019, the government introduced a tax on sugary drinks, imposing a 40 sen levy per litre for beverages containing more

than 5g of sugar per 100ml and fruit juices with 12g of sugar per 100ml.

The revenue collected from the sugar tax was originally intended to fund the free and healthy breakfast programme for all primary school children, mooted by the then Pakatan Harapan government.

According to the World Bank's Global SSB Tax Database, 106 countries have implemented some form of national SSB tax, which covers 52% of the world's population.

Mexico, which was touted as one of the most successful models for sugar tax implementation, raised over US\$2.6bil (RM12.2bil) in the first two years of its roll-out. Some of this revenue was invested in installing water fountains in schools across Mexico.

In Seattle, the United States, revenue from their sugar tax was used to fund programmes and services that increased access to healthy food, supported health and learning in early childhood and uplifted other vulnerable communities impacted by the Covid-19 pandemic.

Cut it out! More enjoying treats with less or no sugar

GEORGE TOWN: There is a growing trend of customers opting for less sugar in their drinks.

Mohamad Adam Mohamad Azahari, 26, who operates a franchise selling roadside beverages in Bayan Baru, Penang, said his customers are a multiracial bunch with an age range of between 30 and 50.

"Although some of them are sweet-toothed and love sugar in our beverages, there is a growing number of customers who ask for less sugar when ordering their drinks," he said.

He said this trend could be a result of growing health concerns among the public, especially the younger generation.

Another trader, Nor Azura Abu Bakar, 44, who sells apam balik in Bayan Baru, said her customers

love eating the pancake, which typically contains sugar and other sweet condiments.

"Lately, I have been getting customers who don't want any sugar in their apam balik."

"I try my best to oblige their requests and prepare the pancake according to their needs."

Nor Azura shared that the price of the pancake remains the same with or without sugar at RM1 for the small size and RM4.80 for the bigger apam balik.

Apam balik is usually filled with ingredients such as crushed peanuts, sugar and sweet corn or butter.

It is a popular street food and can be found in various forms, either thick and fluffy or thin and crispy, depending on the region or vendor.



Dripping with delight:
Mohamad Adam serving a customer in Jalan Mayang Pasir 2, Bayan Baru, Penang.
— CHAN BOON KAI/The Star